Kedah tua merupakan salah sebuah kerajaan awal yang terkenal di Semenanjung Malaysia mengikut sumber bertulis asing iaitu China, Sanskrit, Tamil, Arab dan negara barat. Nama Kedah Tua juga dikenali dengan nama Chieh-Cha, Kataha, Kadaram, Kidaram, Kidara, Kalah dan Quedah (Ibrahim, 2008:5). Nama Bujang untuk Lembah Bujang juga merujuk pada perkataan Sanskrit iaitu *Bhujangga* yang bermaksud ular dan membawa maksud kepada liku-liku yang merujuk pada aliran sungai yang terdapat di Lembah Bujang pada suatu ketika dahulu (Wheatly, 1961:278). Selain itu juga, Lembah Bujang adalah berhampiran dengan Gunung Jerai yang menjadi mercu tanda ataupun juga sebagai petunjuk kepada arah pelayaran

selain dari menjadi tarikan pedagang dari India kerana mereka mempercayai gunung adalah merupakan tempat persemadian para dewa (Sullivan, 1958:188).

Kajian di Kedah Tua berusia lebih daripada 160 tahun iaitu jangka masa antara tahun 1848 hingga 2015. Tapak arkeologi Lembah Bujang adalah berkeluasan melebihi 1000 km persegi yang dikatakan mewakili pusat entrepot dan perkembangan agama Hindu-Buddha yang dijangka telah bermula pada akhir kurun ke-4 Masihi (Wales, 1940). Hal ini dibuktikan dengan pendedahan lebih daripada 80 tapak dengan jumpaan monumen dan artifak yang amat menarik iaitu struktur seni bina candi Hindu-Buddha dan barangan perdagangan seperti seramik, manik, kaca dan sebagainya (Allen, 1988:290-4). Lembah Bujang turut dikatakan dipengaruhi oleh budaya masyarakat dari Kerajaan Funan dan turut pernah diserang oleh Kerajaan Srivijaya sekitar kurun ke-7 hingga ke-11 (Andaya, 2011:86 ; Coedes, 1968). Selain itu Raja Chola turut menyerang Kedah Tua pada kurun ke-15 Masihi (Coedes, 1968). Hasil daripada jajahan dan perdagangan dengan negara luar telah menjadikan Kedah Tua sebagai sebuah pelabuhan yang terkenal suatu ketika dahulu.

Hasil laporan Peacock (1980) telah menyatakan bahawa penempatan di Lembah Bujang adalah bermula sekitar kurun ke-4 Masihi. Penyelidikan di Lembah Bujang diteruskan oleh Allen (1988). Hasil pemetaan yang dilakukan oleh (Allen, 1988:5) telah menemui 87 tapak arkeologi yang mempunyai pelbagai fungsi iaitu perdagangan berdasarkan penemuan seramik dan manik perdagangan. Contohnya di beberapa buah tapak kajian seperti tapak 42 (Kg. Sireh), tapak 43 (Simpor Tambang), tapak 53 (Kg. Sungai Mas), pelabuhan (Pengkalan Bujang) dan juga

tapak candi yang mempunyai unsur agama Hindu-Buddha (Allen, 1988:206). Candi-candi yang ditemui dibina menggunakan bahan seperti laterit, bata dan juga pebel sungai. Hasil kajian yang dilakukan oleh Nik Hassan Suhaimi (1984) di Sungai Mas menyatakan bahawa penempatan kerajaan awal di Lembah Bujang adalah bermula sekitar kurun ke-5 hingga ke-10 Masihi.

Hasil kajian oleh pengkaji terdahulu telah melahirkan dua teori iaitu Teori Kolonisasi dan juga Teori Indianisasi. Teori Kolonisasi yang dikemukakan oleh Wales (1940) berdasarkan hasil kajian di tapak 31 (Permatang Pasir) menyatakan bahawa Lembah Bujang kemudiannya telah mengalami proses penghinduan secara terus dari India. Malahan Lembah Bujang merupakan bekas jajahan ataupun koloni India. Teori kedua pula adalah teori Indianisasi yang dikemukakan oleh Nik Hassan Suhaimi (1992) pula menyatakan hasil perdagangan awal dengan pedagang India dikatakan telah mempengaruhi penduduk tempatan serba sedikit dari segi kebudayaan dan cara hidup masyarakat di Kerajaan Kedah Tua.

Jadual 1.1 menunjukkan senarai nama pengkaji yang menjalankan kajian di Lembah Bujang yang bermula dari 1840-an sehingga sekarang. Pada tahun 1840-an kajian dilakukan oleh Colonel James Low dan beliau menjumpai jumpaan secara tidak sengaja candi dan juga inskripsi pada batu bersurat Buddhagupta serta batu bersurat di Cherok Tok Kun berhampiran dengan Bukit Mertajam (Braddel, 1939:167; Wheatly, 1966:273-274). Penyelidikan serta jumpaan secara tidak sengaja ini telah menarik minat para sarjana untuk melakukan penyelidikan tentang data arkeologi di Lembah Bujang. Seterusnya beberapa catatan yang dibuat oleh pegawai Inggeris melalui survei dan penyelidikannya di Gunung Jerai telah melaporkan terhadap

beberapa penemuan struktur bangunan keagamaan di puncak gunung tersebut (Mohd Supian, 2002).

Kajian yang telah dijalankan oleh Evans (1931) di Sungai Batu telah menemukan arca Durga Mahisasuramardhini dan arca Ganesha. Berdasarkan penemuan ini, Evans berpendapat bahawa di sekitar Kedah Tua ini mempunyai perkaitan dengan masyarakat Hindu-Buddha. Evans (1931) juga berpendapat bahawa pembinaan candi di Lembah Bujang adalah dibina oleh para pedagang yang singgah berdagang serta dijadikan tempat tinggal sementara menunggu pertukaran angin monsun. Selain itu juga beliau berpendapat bahawa, masyarakat yang bertanggungjawab terhadap pembinaan candi di Sungai Batu adalah terdiri daripada pedagang ataupun buruh yang berasal daripada India dan bukannya dibina oleh masyarakat tempatan. Sehubungan dengan itu, mereka dijangka mengamalkan pemujaan Dewa Siva. Selain itu, melalui jumpaan kepala Nandi menguatkan lagi bukti bahawa telah wujudnya amalan agama ini pada masa itu (Evans, 1926).

Jadual 1.1: Nama pengkaji yang terlibat dalam kajian di Kedah Tua

| **PENYELIDIK** | **TAHUN** |
|---|---|
| James Low<br>F W Irby | 1840<br>1894 |
| I.H.N. Evans | 1920 |
| H.G. Quaritch-Wales | 1930-1940 |
| K.G Tregonning dan M. Sullivan | 1950-1960 |
| Alastair Lamb<br>Peacock | 1950-1960<br>1960 |

Sambungan Jadual 1.1: Nama pengkaji yang terlibat dalam kajian di Kedah Tua

| | |
|---|---|
| Al-Rashid | 1970 |
| Leong Sau Heng | 1970 |
| Adi Taha | 1970-1980 |
| Nik Hassan Suhaimi Abdul Rahman | 1970 |
| Jane Allen | 1980 |
| Kamarudin Zakaria<br>Supian Sabtu | 1990 |
| Mokhtar Saidin | 2007-Kini (2015) |

(Sumber : Selepas Mokhtar, 2011)

Pada tahun 1930-an kajian yang lebih sistematik dan teratur telah dijalankan oleh Dr. Quaritch Wales bersama-sama dengan isterinya Dorothy Wales yang telah melakukan penyelidikan terhadap 30 buah tapak di sekitar Lembah Bujang. Hal ini adalah bermatlamat untuk melihat sejauh mana perluasan pengaruh India di utara semenanjung dan membuktikan bahawa di Lembah Bujang telah menjalankan aktiviti perdagangan pada masa itu.

Lamb (1980) dan M. Louis Contant dari Perancis telah membuat ekskavasi di tapak Candi 8 iaitu Candi Batu Pahat dan beliau telah menemui beberapa artifak Hindu-Buddha yang sangat berharga serta telah berjaya membina semula struktur candi di tapak tersebut dengan bantuan M. Louis Contant di atas tapak asalnya. Beliau turut mencari bukti arkeologi hingga ke selatan Thailand. Lamb (1980) telah membuka tapak Candi 8 dan Candi Batu Pahat secara bersistematik. Kejayaannya telah menjadi asas kepada penyelidikan dan pembangunan kawasan arkeologi di Lembah Bujang.

Seterusnya, penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang telah dilakukan sepenuhnya oleh Jabatan Muzium pada tahun 1970-an (Mokhtar, 2011:20) . Di peringkat awal penglibatan warga tempatan seperti Adi Haji Taha dan Kamaruddin Zakaria, Leong Sau Heng dan Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman pada tahun 1977. Kini kewujudan Muzium Arkeologi Lembah Bujang yang telah ditubuhkan bertujuan mengembangkan lagi penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang ini.

Berdasarkan kajian awal yang telah dilakukan oleh para sarjana di Lembah Bujang turut membuktikan bahawa di kawasan ini pada suatu masa dahulu pernah wujud kawasan entrepot yang berkembang pesat di Asia Tenggara (Nik Hassan Suhaimi, 1980). Sebagai bukti bagi mengukuhkan lagi kewujudan kawasan entrepot ialah dengan jumpaan manik, gentian kaca, pecahan tembikar tanah dan juga seramik perdagangan daripada pelbagai negara yang membuktikan bahawa para pedagang pernah datang ke kawasan ini.

Secara umumnya, kajian awal di Lembah Bujang sejak 1840-an telah berjaya mendedahkan bahawa adanya bukti tamadun awal dalam bentuk monumen khasnya candi Hindu-Buddha dan beberapa artifak perdagangan seperti seramik China, Eropah dan Arab serta jumpaan manik. Bukti-bukti ini ditemui dalam keluasan 4 km². Hasil kajian awal ini telah membolehkan sebuah Muzium Arkeologi dibina pada tahun 1980 di Lembah Bujang. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa isu dan masalah dalam kajian awal ini yang perlu dilengkapkan dengan data baru. Penemuan Kompleks Sungai Batu dijangka akan dapat melengkapkan lagi data-data tersebut.

## 1.3 KOMPLEKS ARKEOLOGI SUNGAI BATU

Kompleks arkeologi Sungai Batu telah ditemui oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Global Universiti Sains Malaysia (PPAG) pada tahun 2007, meliputi keluasan sekitar 4km² dengan jumpaan tapak yang pelbagai fungsi (Mokhtar et al., 2011:5). Tapak kajian terletak pada koordinat 100º27.1′T, 05º41.6′U pada ketinggian 12 meter di atas aras laut. Tapak kajian kini berada di ladang kelapa sawit yang asalnya adalah estet getah. Peta 1.1 menunjukkan kedudukan tapak kajian yang telah diekskavasi di Kompleks Arkeologi Sungai Batu.

Kawasan ini dikatakan sebagai sebuah kompleks kerana mempunyai pelbagai fungsi melalui beberapa bukti yang telah ditemui hasil daripada penyelidikan yang dijalankan oleh beberapa orang pelajar sarjana seperti jumpaan pusat ritual (Zolkurnian, 2011), pusat peleburan besi (Naizatul Akma, 2012; Nordianah, 2013) dan juga jeti ataupun pelabuhan (Mohd Hasfarisham, 2014; Iklil Izzati, 2014). Sumbangan yang diperoleh daripada hasil kajian adalah seperti jumpaan tapak ritual yang mempunyai dasar bulatan, tapak peleburan besi dan juga tapak jeti yang tidak ditemui pada kajian di Lembah Bujang sebelum ini. Isu dan masalah yang diutarakan sebelum ini di Kompleks Arkeologi Sungai Batu adalah tiada jumpaan struktur yang berfungsi sebagai pusat pentadbiran yang akan mengawal segala kegiatan yang berlangsung di jeti.




Peta 1.1: Kedudukan tapak SB1R-SB1Z (berwarna hijau) di Kompleks Arkeologi Sungai Batu.
(Sumber : Pusat Penyelidikan Arkeologi Global)

Sebanyak 49 daripada 97 tapak yang telah dipetakan dan diekskavasi di kawasan Kompleks Arkeologi Sungai Batu sejak tahun 2009 sehingga kini. Tapak SB1R, SB1S, SB1T, SB1IU, SB1V dan SB1Z ialah merupakan tapak kajian yang ditemui mempunyai kedudukan yang berdekatan antara satu sama lain berdasarkan kepada koordinat kedudukan tapak yang diambil dari bacaan GPS (*Global Positioning System*) (Jadual 1.2).

Jadual 1.2: Koordinat bagi keenam-enam tapak kajian

| TAPAK | KOORDINAT |
|---|---|
| SB1R | U 05˚41.779'<br>T 100˚27.077'<br>Ketinggian di atas aras laut :13m |

Sambungan Jadual 1.2: Koordinat bagi keenam-enam tapak kajian

| | |
|---|---|
| SB1S | U 05°41.766’<br>T 100°27.069’<br>Ketinggian di atas aras laut: 13m |
| SB1T | U 05°41.747<br>T 100°27.094’<br>Ketinggian di atas aras laut: 12m |
| SB1U | U 05°41.787<br>T 100°27.081’<br>Ketinggian di atas aras laut: 13m |
| SB1V | U 05°41.743’<br>T 100°27.112’<br>Ketinggian di atas aras laut: 11m |
| SB1Z | U 05º41.750’<br>T 100º27.103’<br>Ketinggian di atas aras laut:13m |

## 1.4 ISU DAN MASALAH KAJIAN

Walaupun kajian di Lembah Bujang telah berlangsung sejak 1840-an, namun masih banyak isu dan masalah yang masih wujud tentang tamadun awal ini. Selain itu juga terdapat beberapa isu dan masalah yang akan diutarakan yang terdapat di Kompleks Arkeologi Sungai Batu Antara isu dan masalah yang dapat diutarakan di kawasan kajian Lembah Bujang dan juga di Kompleks Arkeologi Sungai Batu adalah seperti isu fungsi tapak kajian, pentarikhan dan juga rupa bentuk seni bina.

### 1.4.1 FUNGSI TAPAK

Berdasarkan kajian awal yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu di kawasan Lembah Bujang didapati tiada interpretasi yang menyeluruh untuk keseluruhan tapak di Lembah Bujang. Interpretasi yang dilakukan adalah lebih kepada interpretasi tapak dan didapati kurang dikukuhkan dengan bukti saintifik. Contohnya hanya terdapat 16

jumpaan tapak seni bina yang mempunyai pelan dan interpretasi, kebanyakan monumen tersebut adalah berfungsi sebagai binaan yang dikaitkan dengan agama Hindu-Buddha semata-mata. Fungsi yang diberikan adalah berdasarkan kepada penemuan seni bina Vimana dan Mandapa yang ditemui di setiap seni bina tersebut. Selain monumen candi, bukti monumen yang berkaitan dengan Kedah Tua sebagai kerajaan yang menjalankan aktiviti perdagangan tidak ditemui. Ini menyebabkan data tentang fungsi tamadun Lembah Bujang adalah tidak lengkap. Beberapa kajian yang telah dilakukan di Kompleks Arkeologi Sungai Batu tidak menemukan sebarang struktur yang berfungsi sebagai pusat kegiatan yang menjalankan aktiviti pentadbiran. Kajian sebelum ini hanya menemukan beberapa fungsi seperti tapak ritual, pusat peleburan besi dan juga tapak jeti. Tiada kajian yang membincangkan tentang tapak dengan fungsi pusat pentadbiran yang mengawal segala aktiviti yang berlangsung di tapak jeti atau pelantar.

### 1.4.2 PENTARIKHAN TAPAK

Sebelum kajian di Kompleks Sungai Batu oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Global USM bermula pada 2009, tiada pentarikhan mutlak dijalankan di kajian di Lembah Bujang. Kesemuanya hanya melibatkan pentarikhan relatif. Beberapa pengkaji telah menyatakan bahawa penempatan yang berlangsung di Lembah Bujang adalah bermula sekitar kurun ke-4 Masihi (Wales, 1940). Berdasarkan kepada kekosongan tempoh jarak masa sebelum kurun ke-4 Masihi menimbulkan persoalan adakah Kedah Tua masih tidak wujud pada ketika Selat Melaka sudah sibuk digunakan pada masa itu dan telah digunakan oleh pedagang lebih awal lagi (Ibrahim, 2008). Kebanyakan jumpaan monumen yang ditemui oleh pengkaji terdahulu menggunakan

jumpaan artifak sebagai pentarikhan bagi menentukan usia sesuatu monumen yang ditemui. Penggunaan secara relatif dicadangkan sudah tidak sesuai memandangkan terdapatnya teknologi lain yang dapat memberikan pentarikhan mutlak bagi memberikan pentarikhan sebenar kepada struktur yang ditemui seperti pentarikhan OSL (Mokhtar, 2008). Oleh yang demikian, pentarikhan semula tapak-tapak di Lembah Bujang boleh dijalankan supaya dapat memberikan pentarikhan yang lebih tepat berkaitan dengan usia dan juga aktiviti yang berlangsung di tapak.

### 1.4.3 RUPA BENTUK SENI BINA

Hasil kajian terdahulu tidak mendedahkan rupa bentuk seni bina monumen yang jelas. Sebanyak 56 bukti tersebut adalah dalam bentuk monumen, tetapi hanya terdapat beberapa tapak sahaja yang diberikan interpretasi seni bina yang lengkap dan mempunyai pelan reka bentuk. Jumpaan seni bina setiap monumen tidak diketahui menyebabkan perkembangan seni bina tamadun Lembah Bujang tidak jelas. Pengkajian di Kompleks Sungai Batu amat sukar untuk menemukan struktur bangunan dalam keadaan sempurna kerana hampir semua tapak yang dikaji hanya mendedahkan bukti runtuhan struktur dan membataskan pengetahuan mengenai struktur seni bina bangunan yang asal. Jumpaan struktur di Kompleks Sungai Batu hanya mendedahkan susunan bata lantai dan juga susunan bata dinding. Bukti perbandingan adalah amat terhad kerana kekurangan struktur seni bina pusat pentadbiran yang ditemui di Asia Tenggara. Berbeza dengan penemuan struktur di Lembah Bujang, walaupun pada permulaan ditemui juga dalam keadaan runtuhan, namun masih dapat dibina semula kerana bentuk asal masih lagi kelihatan.

## 1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian adalah untuk:

a. Mengetahui fungsi bagi keenam-enam tapak kajian iaitu tapak SB1R, SB1S, SB1T, SB1U, SB1V dan SB1Z. Fungsi tapak kajian dilihat mempunyai fungsi yang lain selain daripada aktiviti keagamaan yang ditemui sebelum ini di Lembah Bujang. Fungsi dapat ditentukan berdasarkan kepada kedudukan tapak serta bentuk seni bina yang ditemui di tapak kajian.

b. Menentukan pentarikhan tapak menggunakan pentarikhan kronometrik iaitu kaedah radiokarbon dan juga OSL. Hal ini adalah untuk mengetahui pentarikhan dan seterusnya dapat dimasukkan dalam urutan kronologi Lembah Bujang.

c. Mengetahui dan mengenal pasti teknologi seni bina bagi keenam-enam tapak kajian. Tiada perbincangan yang terperinci mengenai bahan perekat yang digunakan dalam proses melekatkan bata. Kajian bahan perekatan bata perlu dijalankan untuk mengetahui bahan yang diguna pakai untuk melekatkan bata.

## 1.6 METODOLOGI KAJIAN

Kajian yang dilakukan di keenam-enam tapak telah menggunakan pendekatan multi disiplin dan sistematik untuk mengumpul seberapa banyak data bagi menyelesaikan isu dan masalah kajian. Kajian di keenam-enam tapak ini juga melibatkan beberapa peringkat iaitu survei, pemetaan geofizik, ekskavasi, rekonstruksi dan juga analisis data artifak.

### 1.6.1 Survei

Survei yang dijalankan di tapak adalah untuk mengenal pasti potensi sesuatu tapak itu sebelum proses ekskavasi dijalankan (Hester et al., 1975:13). Segala data dan jumpaan di permukaan akan direkodkan untuk rujukan di masa akan datang.

### 1.6.2 Pemetaan Geofizik

Kaedah yang diaplikasi dalam kajian adalah magnetik, 2D kerintangan elektrik dan juga seismik pembiasan. Kaedah ini digunakan untuk mendapat data dengan cepat dan dapat membantu untuk mengetahui pemahaman tentang struktur yang tertanam sebelum proses ekskavasi dijalankan.

### 1.6.3 Ekskavasi

Proses ekskavasi akan dilakukan setelah kerja-kerja pemetaan kawasan kajian selesai dijalankan. Keluasan bagi setiap petak ekskavasi adalah 1 x 1 meter persegi dan ekskavasi pada peringkat permulaan adalah dengan melakukan ekskavasi seperti sistem dam untuk melihat taburan artifak di kawasan kajian. Selain itu juga penggunaan kawalan setiap spit (0-10cm) turut dilakukan untuk melihat kedalaman lapisan kebudayaan tapak kajian. Setelah mengetahui petak yang berpotensi mempunyai taburan artifak yang banyak, barulah pembukaan petak ekskavasi dilakukan secara menyeluruh untuk menentukan fungsi tapak tersebut. Aktiviti seperti merekod data, ayakan, pendokumentasian lakaran artifak, stratigrafi dan pengambilan sampel pentarikhan turut dilakukan.

### 1.6.4 Analisis Artifak

Segala jumpaan artifak yang ditemui di tapak kajian hanya melibatkan analisis kajian kuantitatif yang merangkumi analisis pengelasan, pengukuran, penimbangan serta pengiraan kuantiti untuk melihat jumlah peratusan jumpaan artifak yang ditemui di keenam-enam tapak kajian. Analisis saintifik di makmal hanya melibatkan analisis terhadap bahan perekat yang di temui di beberapa sampel bata tapak kajian yang melibatkan analisis Pembelauan Sinar-X (XRD), Pendarflor Sinar-X (XRF) dan juga Tenaga Penyerakan Sinar-X (SEM/EDX).

### 1.6.5 Analisis Rupa Bentuk Monumen

Kajian di keenam-enam tapak melibatkan proses analisis rupa bentuk monumen. Proses ini dilakukan berdasarkan kepada tinggalan sisa bangunan yang masih ada di tapak kajian serta lakaran bagi setiap petak yang dilakukan selepas proses ekskavasi selesai. Proses analisis rupa bentuk monumen adalah untuk memudahkan pengkaji untuk mengetahui fungsi dan juga bentuk seni bina yang ada di tapak kajian.

### 1.6.6 Interpretasi

Interpretasi data adalah berdasarkan kepada gabungan data yang diperoleh seperti data survei, pemetaan geofizik, ekskavasi, analisis artifak dan juga analisis rupa bentuk monumen untuk menjawab segala isu dan masalah tapak kajian yang berkaitan dengan isu fungsi, pentarikhan dan juga rupa bentuk seni bina.

## 1.7 SKOP KAJIAN

Kajian ini akan memberi fokus kepada enam tapak kajian iaitu tapak SB1R, SB1S, SB1T, SB1U, SB1V dan SB1Z yang terletak di Kompleks Sungai Batu. Kajian khasnya akan memberikan tumpuan kepada analisis fungsi, pentarikhan dan juga rupa bentuk seni bina serta hanya menyentuh sedikit berkaitan dengan analisis saintifik terhadap bahan lekatan antara bata di Bab 4.

Perbincangan seni bina hanya akan melibatkan bukti seni bina yang terdapat di Lembah Bujang dan Kompleks Sungai Batu kerana daripada aspek pentarikhan didapati tiada tapak yang seusia di Kompleks Sungai Batu di Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, perbincangan umum tentang seni bina Asia Tenggara adalah dalam Bab 5.

## 1.8 RUMUSAN KAJIAN

Kajian sejak 1840-an di Lembah Bujang telah mendedahkan lebih 80 tapak dalam keluasan lebih kurang 1000km$^2$ dengan bukti tamadun seperti monumen candi Hindu-Buddha, inskripsi dan juga pelbagai artifak. Semuanya dikatakan bermula sekitar kurun ke-4 Masihi. Namun, masih banyak lagi isu dan masalah khasnya daripada aspek fungsi, pentarikhan kronometrik dan juga rupa bentuk seni bina. Maka kajian ini akan cuba melengkapkan data di Lembah Bujang dengan data daripada ekskavasi tapak SB1R-SB1Z. Bab 2 berikutnya akan membincangkan tentang bukti monumen di Lembah Bujang untuk mendapatkan gambaran umum tentang seni bina di keseluruhan kawasan ini. Bab 3 merupakan laporan kerja

lapangan di keenam-enam tapak, Bab 4 pula akan memberi fokus kepada struktur seni bina serta hasil jumpaan yang ditemui di keenam-enam tapak dan Bab 5 adalah bab kesimpulan hasil kajian di peringkat sarjana ini.

# BAB DUA

# BUKTI SENI BINA DI LEMBAH BUJANG DAN DI KOMPLEKS SUNGAI BATU

## 2.1 PENGENALAN

Bab dua ini akan membincangkan bukti seni bina yang telah di temui di Lembah Bujang sejak 1840-an. Tujuan utama perbincangan adalah untuk mengetahui perkaitannya dengan kesemua tapak kajian tesis ini. Kajian sejak 1840-an di Lembah Bujang telah merekodkan lebih 80 tapak (Allen, 1988) dan sebanyak 56 bukti tersebut adalah dalam bentuk monumen, sementara 31 lagi adalah bukan monumen. Namun, hanya terdapat beberapa tapak sahaja yang diberikan interpretasi seni bina yang lengkap dan mempunyai pelan reka bentuk. Maka, perbincangan dalam bab ini akan memberikan fokus kepada tapak 4, 5, 8, 11/3, 12, 14, 15 16 17, 18, 19/21/22, 31 dan tapak 50, di samping tapak-tapak seni bina yang baru ditemui di Kompleks Sungai Batu.

## 2.2 TAPAK SENI BINA DI LEMBAH BUJANG

Jadual 2.1 menunjukkan senarai kesemua 16 tapak seni bina yang mempunyai pelan dan interpretasi. Kesemua tapak tersebut terletak di bahagian lereng Gunung Jerai dan di kawasan Lembah Sungai Merbok dan Sungai Muda. Kesemua tapak yang di jumpai dikatakan berfungsi sebagai candi. Candi adalah sebuah seni bina yang berfungsi sebagai tempat untuk memuliakan orang yang mempunyai status seperti Brahman, para pembesar ataupun pemerintah pada zaman tersebut (Soekmono, 1974). Ada juga

candi yang berfungsi untuk diletakkan abu mayat di dalam cepu (bekas yang dibuat daripada logam ataupun kayu untuk mengisi barang ataupun benda) ataupun relikuari (bekas suci yang dibuat daripada batu atau tanah liat dan diisi dengan peripih) yang akan ditempatkan di bahagian Vimana. Selain itu juga candi berperanan sebagai tempat untuk melakukan upacara keagamaan sama ada upacara yang dilakukan secara harian ataupun secara tahunan (Soekmono, 1974). Jumpaan candi yang terdapat di Lembah Bujang dapat di bahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian Vimana dan bahagian Mandapa. Vimana adalah berfungsi sebagai tempat untuk meletakkan arca pemujaan manakala Mandapa adalah tempat untuk menjalankan aktiviti beribadat (Soekmono, 1974). Secara umumnya, tapak candi di Lembah Bujang adalah berdasarkan kepada pentarikhan relatif iaitu sekitar Kurun ke-6 hingga Kurun ke-13 Masihi (Jadual 2.1). Pentarikhan relatif adalah berdasarkan kepada perbandingan artifak yang dijumpai.

Jadual 2.1: Senarai Tapak Candi Lembah Bujang

| Nama tapak | Lokasi tapak | Fungsi Candi | Bahan Binaan | Pentarikhan | Rujukan |
|---|---|---|---|---|---|
| 4 | Sungai Bujang | Hindu | Batu sungai, laterit, bata | Kurun Ke-6 hingga Ke-7 Masihi | Wales, 1940 |
| 5 | Estet Sungai Batu | Hindu | Laterit, bata, batu sungai, granit | Kurun Ke-6 hingga Ke-7 Masihi | Wales, 1940 |
| 8 | Bukit Batu Pahat | Hindu | Granit | Kurun ke-13 hingga ke-14 Masihi | Wales, 1940 |
| 11/3 | Ladang Sungai Batu | Hindu | Laterit, batu sungai, bata | Kurun ke-8 hingga ke-9 Masihi | Nik Hassan Suhaimi, Othman, 1992 |
| 12 | Kampung Bujang | Bangunan Sekular (Wales) | Laterit, bata | Kurun ke-8 hingga ke-9 Masihi | Wales, 1940 |

Sambungan Jadual 2.1: Senarai Tapak Candi Lembah Bujang

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 14 | Kampung Bujang | Buddha | Laterit, bata | Kurun ke-9 hingga ke-10 Masihi | Wales, 1940 |
| 15 | Sungai Bujang | Belum dipastikan | Laterit | Kurun ke-9 hingga ke-10 Masihi | Wales, 1940 |
| 16 | Pengkalan Bujang | Buddha | Laterit, bata | Kurun ke-11 Masihi | Nik Hassan Suhaimi, Othman, 1992 |
| 17 | Bukit Pendiat | Buddha | Laterit, bata | Kurun ke-7 hingga ke-9 Masihi | Nik Hassan Suhaimi, Othman, 1992 |
| 18 | Sungai Bujang | Hindu-Buddha | Laterit, bata, granit | Kurun ke-11 hingga ke-13 Masihi | Wales, 1940 |
| 19 | Pengkalan Bujang | Hindu | Bata | Kurun ke-10 hingga ke-11 Masihi | Allen, 1988 |
| 21 | Pengkalan Bujang | Buddha | Bata | Kurun ke-11 hingga ke-12 Masihi | Nik Hassan Suhaimi, Othman, 1992 |
| 22 | Pengkalan Bujang | Buddha | Bata | Kurun ke-11 hingga ke-12 Masihi | Wales, 1940 Allen, 1988 |
| 31 | Permatang Pasir | Belum dipastikan | Laterit, bata | Kurun ke-10 hingga ke-13 Masihi | Lamb, 1961 |
| 50 | Bendang Dalam | Hinddu | Bata, granit, laterit | Kurun ke-10 hingga ke-12 Masihi | Nik Hassan Suhaimi, Othman, 1992 |

Jumpaan candi yang ditemui di tapak Lembah Bujang dapat di bahagikan kepada dua iaitu candi yang mempunyai unsur Buddha dan juga candi yang menerapkan unsur Hindu berdasarkan kepada ragam hias yang ditemui. Candi yang berunsur Hindu dapat

dilihat melalui arca dewa yang dijumpai di bahagian-bahagian tertentu candi manakala candi yang menerapkan unsur Buddha pula menunjukkan penemuan arca Buddha seperti arca Hariti (Dewi dalam ajaran Buddha yang amat menyayangi anak kecil) yang ditemukan di tapak 16A.

Terdapat banyak jumpaan candi yang ditemui di Lembah Bujang yang menunjukkan fungsi yang berkaitan dengan ajaran Hindu dan Buddha namun hanya beberapa candi yang telah dipilih untuk diterangkan dengan lebih lanjut berdasarkan analisis seni bina yang boleh dikaji secara langsung kerana telah dibaikpulih dan berada dalam keadaan baik seperti candi tapak 4, 12, 14, 15 dan 18 (Sungai Bujang), tapak 5 dan 11/3 (Estet Sungai Batu), tapak 8 (Bukit Batu Pahat), tapak 16, 17 (Bukit Pendiat), tapak 19/21/22 (Pengkalan Bujang), tapak 31 (Permatang Pasir) dan juga tapak 50 (Bendang Dalam) (Peta 2.1).

### 2.2.1 Tapak 4, Sungai Bujang (Kurun ke-6 hingga ke-7 Masihi – Pentarikhan relatif)

Tapak ini telah ditemui oleh Evans pada tahun 1925 yang terletak di pinggir barat Sungai Bujang pada 41 meter di atas aras laut dan berada di U05°42.761’ dan T100°25.924’ (Peta 2.1). Seterusnya tapak ini di kaji oleh Wales pada tahun 1940. Ekskavasi yang dijalankan oleh Wales (1940) telah mendedahkan struktur utama tapak candi yang dibina daripada batu sungai, bata dan juga laterit. Candi ini terdiri daripada satu candi utama dan dua buah candi apit.




Peta 2.1: Lokasi tapak-tapak arkeologi sekitar kawasan Lembah Bujang mengikut sistem penomboran
(Sumber: Pusat Penyelidikan Arkeologi Global)

Candi ini menghadap ke timur dan terdapat jumpaan somasutra (saluran air yang mengalirkan air dari bangunan candi semasa upacara pembersihan candi) yang diperbuat daripada batu granit. Candi ini dikelilingi oleh pagar yang dibina daripada batu sungai. Terdapat jumpaan pelapik tiang yang terletak di pintu masuk bahagian

timur candi. Selain itu, dijumpai bendul pintu dan juga pelapik kepada lingga (arca dewa Siwa) yang diperbuat daripada batu granit (Rajah 2.1).

Artifak yang dijumpai berasosiasi dengan candi ialah penutup dupa (penutup kepada mangkuk untuk membakar setanggi), arca Dewa Ganesha dan arca Durga Mahisasura yang berperanan sebagai dewa pengapit, kepala nandi (merupakan kenderaan dewa Siva selain mempunyai peranan sebagai penjaga pintu kuil ajaran aliran Siva), seramik, kaca, pecahan loceng gangsa dan juga batu pengasah. Secara relatifnya candi ini dikatakan berusia sekitar Kurun ke- 6 hingga ke 7 Masihi oleh Wales (1940). Menurut Wales (1940) berdasarkan kepada orientasi (timur-barat) Vimana yang menghadap ke timur dan jumpaan artifak yang ditemui di tapak ini dapat ditafsirkan bahawa fungsi candi ini adalah sebagai tempat penyembahan Siva-Lingga.




Petunjuk :

| | |
|---|---|
| A | Pagar luar candi yang dibina daripada batu pebel. |
| B & C | Struktur candi apit yang dibina daripada batu pebel. |
| D | Struktur candi utama yang dibina daripada laterit, bata, dan batu pebel |
| E | Struktur vimana dibina daripada laterit |
| F | Struktur mandapa dibina daripada bata |
| G | Struktur bendul dibina daripada bata |

Rajah 2.1: Pelan Candi Tapak 4 (Sungai Bujang)
(Selepas Wales, 1940)

### 2.2.2 Tapak 5, Estet Sungai Batu (Kurun ke-6 hingga ke-7 Masihi – Pentarikhan relatif)

Tapak candi ini telah ditemui dan dikaji oleh Wales pada tahun 1940. Tapak ini adalah terletak di ladang estet Sungai Batu dengan koordinat U05º2.427' T100º25.692' dan 32 meter di atas aras laut (Peta 2.1). Struktur candi yang ditemui ini mempunyai dua bahagian iaitu bahagian Vimana dan juga bahagian Mandapa yang berbentuk segi empat tepat dan setiap bahagian ini adalah bersambungan (Rajah 2.2). Bahan binaan yang digunakan untuk membina candi ini adalah daripada batu sungai, batu laterit dan juga bata. Struktur candi ini juga dikelilingi oleh tembok yang dibina dari batu sungai. Orientasi candi ini adalah menghadap ke arah timur-barat dengan kedudukan Vimana adalah menghadap ke timur.

Berdasarkan kepada jumpaan snana-droni (saluran yang terletak di bahagian hujung yoni) dan juga pecahan somasutra yang ditemui di tapak 5, tapak ini kemungkinan berfungsi sebagai tempat penyembahan Siva-Lingga (Wales,1940). Candi ini telah dibina semula oleh Jabatan Muzium dan Antikuiti pada tahun 1974.

Ekskavasi telah menemukan beberapa artifak seperti serpihan tembikar tanah, seramik Zaman T'ang awal, beberapa batang paku besi dan satu batu pengasah. Seramik Zaman T'ang yang ditemui adalah terdiri daripada serpihan yang berbadan kuning, mempunyai glais dan serpihan yang berwarna perang muda dan mempunyai tekstur yang kasar. Melalui jumpaan pecahan seramik Wales (1940) telah mempertarikhkhan candi ini adalah sekitar Kurun ke-7 Masihi.




Petunjuk :

| | |
|---|---|
| A | **Struktur mandapa dibina daripada laterit dan bata** |
| B | **Struktur vimana dibina daripada laterit** |
| C | **Snana-droni daripada batu granit** |
| D | **Somasutra daripada batu granit** |
| E | **Dinding candi dibina daripada batu pebel** |
| F | **Struktur pelapik tiang daripada laterit** |
| G | **Struktur asas dibina daripada bata dan laterit** |

Rajah 2.2 : Pelan candi Tapak 5 (Estet Sungai Batu)
(Selepas Wales, 1940)

### 2.2.3 Tapak 8, Bukit Batu Pahat (Kurun ke-13 hingga 14 Masihi – Pentarikhan relatif)

Tapak ini terletak di Hulu Sungai Batu Pahat berhampiran dengan kaki Gunung Jerai di koordinat U05º44.346' T100º24.818 dengan ketinggian 139 meter di atas aras laut (Peta 2.1). Candi ini diperbuat daripada blok batu granit dan juga batu sungai daripada sumber di sekitar Sungai Batu Pahat. Orientasi candi adalah menghadap ke arah timur